

KAEDAH DAN FAKTOR KEBERKESANAN PERUBATAN ISLAM RUQYAH: KAJIAN KES DATO' ISMAIL KAMUS

Farhah Zaidar Mohamed Ramli

Phayilah Yama

Ikmal Zaidi Hashim

farhahzaidar@kuis.edu.my

phayilah@kuis.edu.my

ikmalzaidi@kuis.edu.my

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

ABSTRAK

Perubatan Islam dalam konteks Malaysia mengalami transisi perkembangan yang semakin positif dan memberangsangkan sejajar kewujudan Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari 2016 (Akta 775). Kemasukan kategori perubatan Islam dalam akta ini disifatkan sebagai tanda aras pengiktirafan serta penerimaan kerajaan Malaysia terhadap peranan penting yang turut dimainkan oleh perubatan Islam dalam meningkatkan kualiti kesihatan masyarakat Malaysia arus perdana seiring dengan perubatan moden. Sambutan masyarakat yang memberangsangkan terhadap perubatan Islam pada masa kini ini turut dapat dikenal pasti menerusi penubuhan organisasi, persatuan dan pertubuhan perubatan Islam yang semakin banyak sehingga mencetuskan penggabungan di bawah organisasi induk yang menghimpuan belasan ribu pengamal perubatan Islam di Malaysia iaitu Gabungan Persatuan Perawat Islam Malaysia (GAPPIMA). Artikel ini bertujuan untuk mengenal pasti kaedah dan faktor keberkesanan perubatan Islam ruqyah seorang tokoh pengasas dan perawat perubatan Islam yang terkenal di Malaysia iaitu Dato' Ismail Kamus. Data-data kajian dikumpul menerusi metode analisis dokumen dan temu bual tidak berstruktur. Dapatan kajian berdasarkan analisis data secara historikal dan deskriptif mendapati ruqyah merupakan kaedah asas perubatan Islam responden dan terdapat enam faktor utama keberkesanan Perubatan Islam Ruqyah responden.

Kata kunci: *Kaedah, keberkesanan, perubatan islam, ruqyah, Dato' Ismail Kamus*

PENGENALAN

Sihat dan sakit merupakan dua senario yang lumrahnya bersilih ganti perlu ditempuhi dalam kehidupan manusia. Setiap manusia yang diciptakan selaku khalifah Allah ﷺ secara normalnya tidak dapat mengelakkan diri daripada menghadapi ujian kesihatan yang merosot pada suatu hari kelak khasnya akibat pertambahan usia dan lain-lain. Rasulullah ﷺ sendiri pada penghujung usianya telah mengalami kemerosotan kesihatan yang seterusnya membawa kepada kematian baginda ﷺ. Walaupun ajal merupakan ketentuan yang tidak dapat dielakkan, namun Islam sebagai agama yang mempunyai cara hidup yang sempurna masih tetap menitik beratkan amalan penjagaan kesihatan, pencegahan dan perawatan penyembuhan penyakit sejak 1400 tahun dahulu lagi sehingga kini (Phayilah Yama et. al., 2017).

Fenomena keprihatinan ini dapat ditelusuri menerusi dua sumber ilmu Islam teragung iaitu al-Quran dan Hadis. Statistik menunjukkan terdapat enam ayat al-Quran yang menyentuh tentang konsep penyembuhan iaitu surah al-Taubah ayat 14, surah Yunus ayat 57, surah al-Nahl ayat 69, surah al-Isra' ayat 82, surah al-Syu'ara' ayat 80 dan surah al-Fussilat ayat 44. Manakala, *Sahih al-Bukhari* sebagai kitab hadis yang paling benar selepas al-Quran pula menyenaraikan *kitab al-tibb* yang terkandung dalamnya lapan bab berkaitan *ruqyah*. Teks-teks wahyu ini bukan sahaja membicarakan tetapi memberi garis panduan tentang aspek penjagaan kesihatan, pencegahan dan perawatan penyembuhan penyakit. **Bahkan** ayat al-Quran itu sendiri di samping perkataan Rasulullah ﷺ merupakan antara teks doa yang ditegaskan oleh Allah ﷻ sebagai mempunyai unsur penyembuhan penyakit. Antaranya firman Allah ﷻ dalam Surah al-Isra': 82:

وَنُنَزِّلُ مِنَ الْقُرْآنِ مَا هُوَ شِفَاءٌ وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ

Maksudnya:

"Dan kami turunkan daripada al-Quran itu sesuatu yang menjadi penawar dan rahmat bagi orang yang beriman."

Manakala Nabi Muhammad ﷺ selaku utusan Allah ﷻ turut mengisyaratkan betapa mustahaknya penjagaan kesihatan supaya terhindar daripada mendapat penyakit. Imam *al-Bukhari* meriwayatkan hal ini sebagaimana dalam hadis berikut:

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نِعْمَتَانِ مَعْبُودٌ فِيهِمَا
كَثِيرٌ مِنَ النَّاسِ الصِّحَّةُ وَالْفَرَاغُ.

Maksudnya:

"Daripada Ibn 'Abbas semoga Allah meredahainya, beliau berkata, Nabi ﷺ telah bersabda, dua ni'mat yang kebanyakan manusia tidak menyedarinya, iaitu kesihatan dan masa lapang." (al-Bukhari, Sahih al-Bukhari, Bab la 'Isy illa 'isy al-akhirah, no. Hadis 5933)

Selain itu, Baginda ﷺ menegaskan keistimewaan seseorang mukmin yang kuat dalam erti kata mempunyai kesihatan tubuh badan yang optima sebagaimana yang diriwayatkan oleh Imam Muslim menerusi hadis berikut:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْمُؤْمِنُ الْقَوِيُّ خَيْرٌ وَأَحَبُّ إِلَيَّ
اللَّهُ مِنَ الْمُؤْمِنِ الضَّعِيفِ...."

Maksudnya:

"Daripada Abu Hurairah, beliau berkata, bersabda Rasulullah ﷺ, mukmin yang kuat lebih baik dan lebih disukai oleh Allah berbanding mukmin yang lemah." (Muslim, Sahih Muslim, Bab fi al-amr bi al-quwwah wa tarak al'ajz wa al-istighathah, no. Hadis 4816)

Rasulullah ﷺ juga mendorong umat Islam bertindak untuk berikhtiar dalam mengubati penyakit yang dialami. Imam Tirmidhi meriwayatkan sebuah hadis yang menunjukkan dorongan ini iaitu :

عَنْ أُسَامَةَ بْنِ شَرِيكٍ قَالَ قَالَتْ الْأَعْرَابُ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَلَا نَتَدَاوَى قَالَ نَعَمْ يَا عِبَادَ اللَّهِ
تَدَاوَوْا فَإِنَّ اللَّهَ لَمْ يَضَعْ دَاءً إِلَّا وَضَعَ لَهُ شِفَاءً أَوْ قَالَ دَوَاءً إِلَّا دَاءً وَاحِدًا قَالُوا يَا رَسُولَ
اللَّهِ وَمَا هُوَ قَالَ الْهَرَمُ.

Maksudnya:

"Daripada Usamah bin Syarik, beliau telah berkata, telah bertanya sekumpulan orang Arab, Wahai Rasulullah, adakah kami perlu berubat, baginda menjawab, ya, wahai hamba Allah, berubatlah, sesungguhnya Allah

tidak menurunkan penyakit kecuali ia telah menetapkan baginya penawar kecuali satu. Mereka bertanya, apakah yang satu itu? Baginda menyatakan iaitu tua." (al-Tirmidhi, Sunan al-Tirmidhi, Kitab Ma Ja'a fi al-Dawa' wa al-Hath 'alayh, no. hadis 1961)

Sehubungan itu, perubatan Islam yang mengikuti tradisi amalan turun menurun berasal daripada Rasulullah ﷺ sama ada berdasarkan skop al-Quran mahu pun hadis masih kekal dipraktikkan sehingga abad ini. Rentetan kesinambungan ini menyebabkan perubatan Islam dalam konteks Malaysia kini dapat diklasifikasikan secara standardnya sebagai salah satu kaedah rawatan tradisional dan komplementari sejajar dengan penubuhan Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari (BPTK) oleh Kementerian Kesihatan Malaysia pada tahun 2004 (TCM, 2016).

Penubuhan BPTK merupakan satu pengiktirafan rasmi daripada pihak kerajaan Malaysia bahawa sistem perubatan tradisional dan komplementari termasuk kategori Perubatan Islam adalah merupakan salah satu komponen penting dalam sistem penjagaan kesihatan. Ianya berfungsi seiring dengan perubatan moden untuk meningkatkan kesihatan dan kualiti kehidupan rakyat Malaysia (Dasar Perubatan Tradisional dan Komplementari Kebangsaan, 2007).

Kaedah pengamalan perubatan Islam yang dimaksudkan oleh kajian ini adalah kaedah *ruqyah* iaitu doa-doa khusus yang bersumberkan hadis yang bertepatan dengan syarak bagi tujuan pengubatan dan kesejahteraan atau kebaikan. Maksud ini diadaptasikan daripada definisi *ruqyah* yang lebih luas sebagaimana yang ditakrifkan dalam *Garis Panduan Amalan Perubatan Islam* (2011) iaitu doa yang berasaskan ayat-ayat al-Quran dan Hadis, yang bertepatan dengan syarak bagi tujuan pengubatan dan kesejahteraan atau kebaikan.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kaedah pengamalan perubatan Islam (*ruqyah*) responden dan menganalisis faktor keberkesanannya. Jenis kajian adalah kombinasi antara kepustakaan dan lapangan. Reka bentuk kajian adalah kualitatif daripada jenis kajian kes. Persampelan kajian adalah daripada jenis bertujuan yang melibatkan pengamal perubatan Islam berprofil tinggi di Malaysia. Instrumen pengumpulan data melibatkan analisis dokumen dan temu bual tidak berstruktur. Metode analisis data adalah secara historikal dan deskriptif (Phayilah Yama et. al., 2017).

KAEDAH PENGAMALAN PERUBATAN ISLAM RESPONDEN

Responden menjelaskan kaedah pengamalan *ruqyah* beliau berdasarkan aspek-aspek berikut:

Pengertian Ruqyah

Ruqyah menurut responden adalah merupakan bacaan tertentu yang dapat memberi kesan penyembuhan terhadap penyakit. Teks yang dibacakan adalah terdiri sama ada daripada jenis ayat al-Quran atau pun doa-doa bersumberkan daripada Rasulullah ﷺ .

Responden dipetik berkata

"Ruqyah itu bacaan bacaan atau doa-doa yang kit abaca melalui al-sunnah dan al-Quran supaya dapat mengubati penyakit."

(TB/R2/27.09.2016)

Ruqyah Kaedah Asas dalam Perubatan Islam

Responden menjelaskan peranan *ruqyah* sebagai kaedah asas dalam perubatan Islam. Ini adalah kerana kaedah *ruqyah* ini merupakan satu perbuatan untuk tujuan merawat yang jelas diamalkan dalam sejarah kehidupan Rasulullah ﷺ bersama para sahabat baginda. Justeru itu, *ruqyah* hingga kini dikenal pasti sebagai kaedah teras dalam rawatan perubatan Islam. Responden dipetik berkata:

"Pasal sejarah nabi s.a.w yang mana sahabat pernah menjampi pada satu orang pesakit dan baik."

(TB/R2/27.09.2016)

Kajian mendapati peristiwa bersejarah yang dimaksudkan oleh responden dapat dihubungkan dengan kisah yang diriwayatkan dalam sebuah hadis sebagaimana berikut.

حَدَّثَنَا يَحْيَى بْنُ يَحْيَى التَّمِيمِيُّ أَحْبَرَنَا هُشَيْمٌ عَنْ أَبِي بَشْرِ عَنْ أَبِي الْمُتَوَكِّلِ عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ أَنَّ نَاسًا مِنْ أَصْحَابِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانُوا فِي سَفَرٍ فَمَرُّوا بِحَيٍّ مِنْ أَحْيَاءِ الْعَرَبِ فَاسْتَضَافُوهُمْ فَلَمْ يُضِيْفُوهُمْ فَقَالُوا لَهُمْ هَلْ فِيكُمْ رَاقٍ فَإِنَّ سَيِّدَ الْحَيِّ لَدَيْعٌ أَوْ مُصَابٌ فَقَالَ رَجُلٌ مِنْهُمْ نَعَمْ فَأَتَاهُ فَرَفَاهُ بِفَاتِحَةِ الْكِتَابِ فَبَرَأَ الرَّجُلُ فَأُعْطِيَ قَطِيعًا مِنْ غَنَمِ فَأَبَى أَنْ يَقْبَلَهَا وَقَالَ حَتَّى أَذْكَرَ ذَلِكَ لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَأَتَى

التَّيِّبِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَذَكَرَ ذَلِكَ لَهُ فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ وَاللَّهِ مَا رَقَيْتُ إِلَّا بِفَاتِحَةِ
الْكِتَابِ فَتَبَسَّمَ وَقَالَ وَمَا أَدْرَاكَ أَنَّهَا رُقِيَّةٌ ثُمَّ قَالَ خُذُوا مِنْهُمْ وَاضْرِبُوا لِي بِسْمِهِمْ مَعَكُمْ.

Maksudnya:

Sesungguhnya beberapa orang daripada kalangan sahabat Rasulullah ﷺ sedang berada dalam perjalanan. Mereka pergi ke salah sebuah kampung Arab dan mereka berharap agar boleh menjadi tetamu kepada penduduk kampung tersebut. Namun ternyata penduduk kampung tersebut tidak mahu menerima mereka. Tetapi ada yang bertanya: Apakah ada di antara kamu yang boleh menjampi? Kerana ketua atau penghulu kampung kami terkena sengat. Salah seorang daripada sahabat menjawab: Ya, ada. Lalu beliau menemui ketua kampung tersebut dan menjampinya dengan surah al-Fatihah. Kemudian ketua kampung tersebut sembuh, maka sahabat tersebut diberi beberapa ekor kambing. Beliau tidak mahu menerimanya dan mengajukan syarat: Aku akan menyampaikannya kepada Nabi ﷺ, beliau pun pulang menemui Nabi ﷺ dan menyatakan pengalaman tersebut. Beliau berkata: Ya Rasulullah! Demi Allah, aku hanya menjampi dengan surah al-Fatihah. Mendengar kata-kata itu, Rasulullah ﷺ tersenyum dan bersabda: Bagaimana engkau tahu bahawa al-fatihah itu memang merupakan jampi? Kemudian baginda bersabda lagi: Ambillah pemberian daripada mereka dan pastikan aku dapat satu bahagian bersama kamu." (Muslim, Sahih Muslim, باب جواز أخذ الأجرة على الرقية بالقرءان, no. hadis: 4080)

Contoh Teks Bacaan Ruqyah

Responden memberi contoh antara teks bacaan *ruqyah* daripada sumber hadis yang melibatkan masalah kesihatan tertentu yang paling kerap beliau gunakan adalah seperti berikut:

"Selawat lah...selawat dan contoh yang lain Bismillahirrahmanirrahim tu tiga kali, Au 'zu batillah Ala 'Fissama 'Ajiru Hazir tujuh kali..itu sunnah nabi ajar..."
(TB/R2/27.09.2016)

Kajian mendapati teks yang dimaksud oleh responden adalah diriwayatkan dalam hadis berikut.

FAKTOR KEBERKESANAN PERUBATAN ISLAM RESPONDEN

Responden juga memperakui faktor-faktor keberkesanan *ruqyah* beliau juga adalah membabitkan enam aspek berikut.

i. *Aspek Akidah*

Responden mengesahkan bahawa pegangan akidah yang kukuh tersemat bahawa hanya Allah ﷻ hakikat sebenar penyembuh segala penyakit menyebabkan amalan *ruqyah* responden adalah berkesan. Responden menyatakan kesedaran bahawa peranan pengamal perubatan Islam ini sebenarnya hanya merupakan *wasilah* iaitu perantara dalam bentuk bantuan mendoakan pesakit sahaja. Ini adalah kerana menurut responden nilai-nilai tauhid berkaitan konsep *ruqyah* yang perlu diyakini dan dipercayai oleh seseorang pengamal *ruqyah* antaranya adalah fakta bahawa penyakit itu datang daripada Allah ﷻ dan begitu juga penawar kepada kesembuhan juga adalah dengan keizinan-Nya. Menurut responden fakta ini dapat dihayati dalam ayat 80 Surah al-Syu'ara' iaitu:

وَإِذَا مَرَضْتُ فَبُهِتَ النَّاسُ
فَهُوَ يَشْفِينِ

Maksudnya:

"Dan apabila aku sakit, maka Dialah yang menyembuhkan penyakit itu."

Justeru, responden bersetuju bahawa ilmu pengetahuan seseorang pengamal *ruqyah* terhadap akidah Islam dalam konteks *ruqyah* adalah mustahak untuk didalami dan dipelajari secara sewajarnya. Rangkuman pendapat responden dapat ditemui dalam petikan berikut:

Pembantu Penyelidik	<i>"Apa pandangan tuan jika dikatakan akidah yang kukuh tersemat bahawa hanya Allah SWT hakikat sebenar penyembuh segala Penyakit menyebabkan amalan ruqyah tuan berkesan?"</i>
Responden	<i>"Aa...memang betul makna kita sebagai wasilah sahaja tolong doakan sahaja."</i>
Pembantu Penyelidik	<i>"Apakah lain nilai-nilai tauhid berkaitan konsep ruqyah yang perlu diyakini dan dipercayai oleh seseorang pengamal ruqyah supaya ruqyah tersebut berkesan?"</i>
Responden	<i>"Maknanya kita yakini bahawa yang menyakitkan tu Allah taala yang menyembuhkan tu Allah taala juga dalam quran menyebut Waiza' maritu faquwa yashfiin Allah mnyembuhkan aku itu sebagai adab."</i>

Pembantu Penyelidik	<i>Justeru apakah komentar tuan terhadap kenyataan bahawa ilmu pengetahuan seseorang pengamal ruqyah terhadap akidah Islam dalam konteks ruqyah adalah mustahak untuk didalami dan dipelajari secara sewajarnya?</i>
Responden	<i>"Aa..memang betulah kita yakini penuh pegang akidah bahawa yang menyembuhkan adalah Allah taala..."</i> (TB/R2/27.09.2016)

Jadual 1: Temubual 1**ii. Aspek Fiqh**

Responden juga mengesahkan nilai-nilai *fiqh ruqyah* yang berteraskan teknik-teknik yang berasal daripada Rasulullah ﷺ adalah mempengaruhi keberkesanan rawatan perubatan Islam responden. Contohnya teknik tiup selepas membaca doa *ruqyah*. Ianya merupakan perbuatan yang diajar serta diamalkan oleh Nabi ﷺ. Responden juga menegaskan bahawa seseorang pengamal *ruqyah* sangat perlu memiliki ilmu pengetahuan *fiqh* secara sewajarnya. Rangkuman pendapat responden ini dapat ditemui dalam petikan berikut.

Pembantu Penyelidik	<i>Apakah nilai-nilai fiqh ruqyah yang diamalkan oleh tuan?</i>
Responden	<i>"Feqah ni erm...kita beramal dan menggunakan teknik teknik yang diajar oleh Rasulullah s.a.w umpamanya tiup. Kalau tiup itu dia baca bismillahibaituna'ina dengan nama Allah tanah bumi kami, kemudian nabi tiup. Itu jalah."</i>
Pembantu Penyelidik	<i>Apakah pandangan tuan jika dikatakan sikap komited dan dedikasi dalam mematuhi fiqh ruqyah tersebut menyebabkan amalan ruqyah tuan berkesan untuk penyembuhan penyakit?</i>
Responden	<i>Memanglah kita gunakan teknik-teknik yang diamalkan oleh Rasulullah s.a.w insy Allah..</i>
Pembantu Penyelidik	<i>Justeru apakah komentar tuan terhadap kenyataan bahawa ilmu pengetahuan fiqh seseorang pengamal ruqyah dalam konteks ruqyah adalah mustahak untuk didalami dan dipelajari secara sewajarnya?</i>
Responden	<i>Sangat perlu ...sebabnya peserta yang saya katakan sebentar tadi.</i>

(TB/R2/27.09.2016)

Jadual 2: Temubual 2

Kajian mendapati teknik tiup yang dimaksudkan oleh responden adalah berasal daripada amalan Rasulullah ﷺ. Ianya sebagaimana yang direkodkan dalam hadis dibawah:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا: "أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَقُولُ لِلْمَرِيضِ: "بِسْمِ اللَّهِ تُرْبَةُ أَرْضِنَا بِرِيقَةٍ بَعْضِنَا يُشْفَى سَقِيمُنَا بِإِذْنِ رَبِّنَا".

Maksudnya:

Sayyidatina 'Aisyah meriwayatkan bahawa Nabi ﷺ kerap kali membacakan doa ini kepada pesakit: "Dgn nama Allah, tanah bumi kami bercampur air liur kami menyembuhkan org yang sakit dalam kalangan kami." (al-Bukhari, Sahih al-Bukhari,

Kitab al-Tib, باب رقية النبي ﷺ, no. hadis: 5745)

Imam Nawawi menjelaskan bahawa Baginda ﷺ akan meniup air liur Baginda ﷺ dan kemudian menyentuhkannya ke tanah dan Baginda s.a.w. akan membaca doa ini sambil meletakkan meletakkan jari Baginda ﷺ pada tempat yang sakit.

iii. *Aspek Tasawuf*

Responden juga mengesahkan terdapat unsur-unsur tasawuf dalam amalan *ruqyah* beliau iaitu antaranya penghayatan akhlak dalam mengenakan jenis dan sifat pemakaian baju perawat semasa melaksanakan rawatan. Menurut responden, pemakaian baju perawat bukan sahaja perlu mematuhi ajaran syariat dalam konteks *fiqh* semata-mata tetapi juga perlu menghayati prinsip tasawuf dalam berpakaian. Responden menjelaskan contoh yang dimaksudkan adalah seperti perawat hanya mengenakan baju bertangan pendek dan tidak memakai songkok ketika melaksanakan rawatan. Pemakaian begini adalah kurang wajar meski pun syariat membenarkannya. Perawat perlu peka dalam menghalusi adab berpakaian menurut tasawuf ketika melakukan rawatan iaitu seperti mengenakan pakaian bertangan panjang serta bersongkok. Hal ini menurut responden adalah lebih menonjolkan imej tasawuf yang melambangkan perwatakan soleh dan beradab dalam rawatan.

"Unsur tasawuf itu akhlak maknanya tadi, maknanya kita kena jaga akhlak, pakaian-pakaian walaupun kalau berubat kita boleh pakai tangan pendek tapi hukum tasawufnya tak cantik, songkok pun kena pakai pasal songkok itu tidak

wajib dari segi feqahnya tapi dari segi tasawufnya kena pakai."
 (TB/R2/27.09.2016)

Seterusnya amalan berzikir secara bersnad merupakan unsur tasawuf yang mempengaruhi keberkesanan rawatan responden. Ini adalah kerana zikir merupakan satu kaedah para pengamal perubatan Islam mendekati diri kepada Allah ﷻ yang akhirnya dapat menjadi penyebab kemustajaban doa-doa *ruqyah* yang dibacakan oleh mereka kelak. Responden juga menjelaskan memiliki jiwa yang berusaha disucikan menerusi konsep *tazkiyyah al-nafs* yang terdapat dalam ilmu tasawuf adalah mustahak untuk keberkesanan *ruqyah* oleh pengamalnya. Ini adalah kerana konsep ini membina akhlak yang tinggi dalam kalangan pengamal semasa mempraktikkan rawatan perubatan yang dipelajari oleh mereka. Responden dipetik berkata:

Pembantu Penyelidik	<i>Adakah memiliki jiwa yang berusaha disucikan menerusi konsep tazkiyyah al-nasf mustahak untuk keberkesanan ruqyah oleh pengamalnya?</i>
Responden	<i>"Betullah maknanya kita kena bersihkan diri kita dengan amalan-amalan zikir.</i>
Pembantu Penyelidik	<i>Kenapa zikir-zikir ini penting diamalkan serta diperolehi secara bersnad dalam konteks ruqyah?</i>
Responden	<i>"Supaya kita dapat mendekati diri pada Allah taala supaya doa itu dapat diterima oleh Allah taala</i>
Pembantu Penyelidik	<i>Justeru apakah komentar tuan terhadap kenyataan bahawa ilmu pengetahuan tasawuf dan amalannya adalah mustahak untuk didalami dan dipelajari secara sewajarnya oleh seseorang pengamal ruqyah ?</i>
Responden	<i>Bagi saya ilmu tasawuf amat penting dipelajari supaya akhlaknya terpelihara... (TB/R2/27.09.2016)</i>

Jadual 3: Temubual 3

iv. Aspek Akhlak dan Adab

Responden memperakui aspek penjagaan akhlak dan adab dalam rawatan perubatan Islam adalah mustahak dan mempengaruhi keberkesanan rawatan. Menurut responden di samping aspek kejelasan kefahaman akidah, kepatuhan kepada *fiqh* dan penjagaan tasawuf yang merangkumi akhlak serta adab dalam kalangan pengamal perubatan Islam *ruqyah* adalah faktor penting untuk meraih kemakbulan doa perawat. Usaha penyembuhan dalam rawatan lazimnya akan berjalan lancar jika aspek-aspek ini diberi perhatian sewajarnya. Responden memberi contoh antara aspek akhlak dan adab yang perlu dipelihara oleh seseorang perawat adalah meninggalkan perbualan dan

percakapan yang mengandungi elemen-elemen negatif seperti merapu dan merepek. Selain itu, menjaga dan mengawal pandangan mata juga adalah besar kepentingannya dalam proses rawatan perubatan Islam. Pendapat responden dapat disemak dalam petikan temu bual berikut.

Pembantu Penyelidik	<i>Apakah terdapat akhlak dan adab yang perlu dititik beratkan dalam amalan ruqyah tuan contohnya akhlak dan adab terhadap diri pengamal sendiri, terhadap pesakit dan terhadap doa-doa ruqyah?</i>
Responden	<i>“Termasuklah cara kita bermuamalah dengan orang ramai dan dengan diri sendiri sorang-sorang pun kena jaga.</i>
Pembantu Penyelidik	<i>Sejauhmanakah akhlak dan adab yang diterapkan ini mempengaruhi keberkesanan ruqyah?</i>
Responden	<i>“Memanglah... jika kita jaga akhlak kita dia jaga feqah kita dia jaga kita punya tauhid maka Allah taala akan makbulkan.</i>
Pembantu Penyelidik	<i>Terdapat petua atau saranan berkaitan dengan akhlak dan adab yang disarankan untuk diamalkan oleh diri tuan atau pesakit tuan supaya ruqyah lebih berkesan?</i>
Responden	<i>“Maknanya kita jangan bercakap merapu rapu, merepek repek dan jaga perbualan percakapan dan pandangan mata. (TB/R2/26.09.2016)</i>

Jadual 4: Temubual 4

Kajian mendapati Persatuan Perubatan Islam Darussalam Malaysia yang dipimpin oleh responden komited dalam aspek pengjagaan akhlak dan adab. Terdapat 18 etika yang dikenal pasti perlu dipatuhi oleh para perawat. Lapan etika adalah perlu dipatuhi sebelum merawat dan sembilan etika lagi perlu diikuti sewaktu rawatan dilakukan (Darussalam, 2016).

BIL.	ETIKA SEBELUM RAWATAN
1.	Perawat mestilah berpakaian sopan.
2.	Perawat tidak dibenarkan memakai T.Shirt / Baju Lengan Pendek semasa rawatan.
3.	Perawat tidak dibenarkan memakai seluar Jeans atau jenis ketat semasa rawatan.
4.	Perawat lelaki hendaklah memakai kopiah semasa rawatan.
5.	Perawat perempuan mestilah bercirikan pakaian seorang muslimah, tidak terlalu berhias dan tidak menampakkan aurat.

6.	Perawat diingatkan agar tidak memakan sesuatu yang membawa bau yang tidak menyenangkan kepada pesakit.
7.	Perawat mestilah bercakap secara sopan dengan pelanggan.
8.	Perawat tidak dibenarkan berseloroh dikhalayak ramai.

Jadual 5: Lapan Etika Sebelum Rawatan Responden 2

BIL.	ETIKA SEMASA RAWATAN
1.	Perawat mestilah memakai tandanama semasa rawatan.
2.	Perawat hendaklah mengetahui perkembangan terbaru pelanggan supaya doa yang dibaca sesuai dengan pesakit.
3.	Perawat hendaklah menghormati sahabat-sahabat perawat lain.
4.	Bacaan semasa rawatan hendaklah sederhana sekiranya ada perawat lain agar mengganggu bacaan mereka.
5.	Perawat hendaklah berlemah lembut dengan pelanggan.
6.	Jangan sekali-kali menekan pesakit yang meraung sakit sekiranya mereka sedar atau separuh sedar.
7.	Jangan sesekali mengeluarkan perkataan kesat semasa berdialog dengan jin kerana sesetengah pesakit sedar dan mendengar percakapan perawat.
8.	Jangan merendahkan perawat lain di hadapan pelanggan.
9.	Jangan sentuh atau pegang bahagian sulit pesakit atau yang berdekatan dan seumpamanya walaupun Jin mendakwa duduk disitu
10.	Perawat tidak dibenarkan merawat pesakit berlainan jantina dalam satu bilik kecuali ditemani mahramnya atau ada perawat lain.

Jadual 6: 10 Etika Semasa Rawatan Responden 2

v. Aspek Meneladani Sunnah Rasulullah ﷺ

Menurut responden antara elemen-elemen dalam rawatan *ruqyah* yang ketara meneladani sunnah Rasulullah ﷺ adalah aspek penjagaan tatacara berpakaian, adab dalam percakapan, serta pemakanan yang menitik beratkan hukum halal, haram, *syubhah* dan *makruh*. Aspek-aspek yang disebutkan ini penting untuk diterap dalam kalangan perawat supaya rawatan *ruqyah* yang dijalankan berhasil untuk menyembuhkan masalah kesihatan yang dihadapi oleh seseorang pesakit. Fakta ini dapat disemak dalam petikan berikut:

Pembantu Penyelidik	<i>Apakah elemen-elemen dalam rawatan ruqyah tuan yang ketara meneladani sunnah Rasulullah ﷺ?</i>
---------------------	---

Responden	<i>“Seperti yang saya katakana tadi jaga pakaian, jaga percakapan, jaga makanan minuman supaya jangan makan benda yang tidak....bukan benda yang haram saja yang makruh dan yang syubhah</i>
Pembantu Penyelidik	<i>Adakah sunnah tersebut mempengaruhi keberkesanan ruqyah tuan?</i>
Responden	<i>“Ya..... (TB/R2/27.06.2016)</i>

Jadual 7

vi. *Kelebihan Lain*

Responden juga mengesahkan kelebihan yang dikurniakan Allah ﷻ dalam erti kata keistimewaan peribadi pengamal adalah mempengaruhi keberkesanan *ruqyah* responden. Tambahan keperibadian dan keyakinan dalam melaksanakan rawatan menjadikan responden dapat menyumbang menyelesaikan banyak masalah pesakit-pesakit di Malaysia. Ketokohan diri yang dibina dan sumbangan yang konsisten dalam perubatan Islam *ruqyah* sebagaimana yang diusahakan merupakan satu kepuasan yang dihargai oleh responden sendiri. Beliau merasa selesa berkongsi kelebihan ini dengan masyarakat. Kenyataan ini dapat disemak dalam petikan berikut:


Pembantu Penyelidik	<i>Pada pandangan tuan, apakah kelebihan yang dianugerahkan Allah kepada tuan sehingga menyebabkan ruqyah tuan berkesan?</i>
Responden	<i>“Kalau nak sebut jadi riak pula, hahahaha....magnanya dari segi tesis tak apalah ...saya ni beramal..banyaklah beramal yang sunat-sunat.</i>
Pembantu Penyelidik	<i>Apakah faktor atau amalan yang menyebabkan tuan dikurniakan kelebihan tersebut?</i>
Responden	<i>“Saya solat sunat Rawatib, solat Dhuha, solat Tahajud, solat Tasbih dan sebagainya...</i>
Pembantu Penyelidik	<i>Apakah perasaan tuan memiliki kelebihan tersebut?</i>
Responden	<i>Perasaan susah nak cakap lah ...hahaha...magnanya saya rasa gembiralah dan berbahagia rasa macam itu lah... (TB/R2/27.09.2016)</i>

Jadual 8

KESIMPULAN


Analisis merumuskan *ruqyah* merupakan kaedah asas perubatan Islam yang diamalkan oleh responden. Responden menggunakan bacaan bersumberkan ayat-ayat al-Quran

dan doa-doa yang diriwayatkan dalam hadis Nabi ﷺ ketika melaksanakan rawatan *ruqyah*. Analisis turut merumuskan terdapat elemen teknik tiup (hembusan nafas) yang disertakan dalam proses rawatan *ruqyah* responden. Analisis merumuskan kaedah ini pada dasarnya adalah sabit disandarkan sebagai kaedah perubatan Nabi ﷺ. Atas dasar itu juga kaedah ini dapat dirumuskan sebagai model perubatan Islam *ruqyah* Rasulullah ﷺ.



Rajah 1.1 Model Ruqyah Responden

Selain itu, analisis juga merumuskan bahawa terdapat enam faktor keberkesanan rawatan *ruqyah* berdasarkan paradigma pemikiran responden iaitu akidah, fiqh, tasawuf, akhlak dan adab, teladan sunnah Rasulullah ﷺ dan lain-lain.



Rajah 1.2 Faktor Keberkesanan Rawatan Ruqyah Responden

RUJUKAN

- Al-Bukhari, Muhammad bin Isma'il. 1994, *Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Tirmidhi, Abu 'Isa Muhammad bin 'Isa bin Sawrah.t.t. *al-Jami' al-Sahih*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Dasar Perubatan Tradisional dan Komplementari Kebangsaan. 2007. Atas talian tcm.moh.gov.my dalam <http://tcm.moh.gov.my/v4/pdf/NationalPolicy.pdf> (8 Disember 2016)
- Garis Panduan Amalan Perubatan Islam*. 2011. Kuala Lumpur: Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari Kementerian Kesihatan Malaysia.
- Muslim, al-Hajaj bin Muslim al-Qusyairi. t.t. *Sahih Muslim*. Beirut: Dar al-Jayl.
- Phayilah Yama et.al. 2017. Analisis *Takhrij* Hadis dan Kaedah Pengamalan Perubatan Pengamal Perubatan Islam di Malaysia. Laporan Penyelidikan GPIK I 2016. Pusat Pengurusan Penyelidikan. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- TCM 2016 atas talian (http://tcm.moh.gov.my/v4/bmelayu/modules/mastop_publish/?tac=2_ 16 Jun 2016).
- Temu bual bersama Responden. Pengasas Pusat Rawatan Islam Darussalam Malaysia pada 27 September 2016. Jam 4.00 petang.